

'Tidak perlu bimbang lagi'

TANJONG KARANG

- Majoriti penerima geran tanah di Kampung Seri Tiram Jaya, di sini, terharu dengan kesungguhan kerajaan negeri menyelesaikan permasalahan pemilikan tanah yang berlanjutan hampir 40 tahun.

Penduduk, Baaniah Suratin, 57, berkata, dia gembira kerana permohonan dibuatnya pada 1970 akhirnya diluluskan kerajaan negeri.

"Tidak sangka setelah menunggu lama dan semua anak sudah besar, saya akhirnya memperoleh geran tanah untuk kebun kelapa sawit yang menjadi punca pendapatan kami sekeluarga.

"Selepas ini, saya tidak perlu bimbang lagi untuk mengusahakan tanaman di tanah terbabit," katanya, semalam.

Ibu tunggal, Dasah Sidek, 67, pula berterima kasih kepada kerajaan negeri serta Pejabat Tanah



Maan (kanan) bersama sahabatnya, Khatijah Kayat, 53, gembira menunjukkan geran tanah diterima mereka pada Majlis Penyampaian Hak Milik Tanah di Dewan Masyarakat Kampung Seri Tiram Jaya, semalam.

dan Daerah Kuala Selangor yang meluluskan permohonan tanah pertanian yang menjadi punca pendapatan keluarganya.

"Alhamdulillah, penanti-an saya selama ini berakhir dan inilah bukti kerajaan yang betul-betul membantu rakyat memerlukan," katanya.

Seorang lagi penduduk, Maan Mad Som, 67, berkata, dia terharu kerana penanti-

annya selama hampir 30 tahun untuk memperoleh geran tanah, akhirnya di-realisasikan dan bersyukur kerana ALLAH SWT memudahkan segala urusan.

"Saya harap kerajaan negeri dapat meneruskan usaha untuk membantu menyelesaikan masalah pemberimilikan tanah di beberapa kampung di daerah ini," katanya.